

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (TRAGEDI KEBAKARAN)

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 04

RINGKAS

14 buah pusat tahfiz di Melaka tidak berdaftar

MELAKA – Sebanyak 14 buah pusat tahfiz yang belum berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) diberi kelulusan beroperasi sementara sehingga hujung tahun.

Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka, Datuk Yaakub Md. Amin berkata, kebenaran beroperasi sementara itu diberikan selepas pemeriksaan dilakukan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan di pusat berkenaan.

Katanya, pemantauan bagaimanapun akan diteruskan dari semasa ke semasa ke atas pusat tahfiz berkenaan kerana ia masih lagi tidak memenuhi beberapa syarat lain yang ditetapkan.

"Kita faham ada sesetengah pusat tahfiz ini yang menyewa dan tidak mampu menyediakan kelengkapan mencukupi, namun kita terpaksa menitikberatkan aspek keselamatan," katanya di sini semalam.

Dua pusat tahfiz di Labuan tidak patuh keselamatan

LABUAN – Dua pusat tahfiz di pulau bebas cukai di sini tidak mematuhi sepenuhnya standard keperluan keselamatan, kata Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Zainal Madasin.

Beliau berkata, beberapa pemeriksaan telah dijalankan di dua pusat berkenaan dan mendapati terdapat susunan pendawaian yang tidak dilakukan dengan betul.

"Pihak berkuasa sekolah perlu meningkatkan aspek keselamatan di bangunan dan pihak kami bersedia membantu dan mendidik mereka mengenai keselamatan kebakaran," katanya di sini semalam.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) Labuan, Sabarudin Hassan berkata, pengurusan dua sekolah agama berkenaan Maahad Tahfiz Merinding dan Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Badr telah diberi peringatan supaya mematuhi standard keperluan keselamatan.